

Potensi Penggunaan Dinar Emas sebagai Medium Wakaf Tunai: Satu Dapatan Pakar

Che Khadijah Hamid ^{1*}, Surita Hartini Mat Hassam ²,
Farahdina Fazial³, Salimah Yahya¹, Sakinatul Raadiyah Abdullah⁴

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
27600 Raub, Pahang, Malaysia

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
08400 Sungai Petani, Merbok, Kedah, Malaysia

⁴Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM)
26400 Jengka, Bandar Tun Razak, Pahang, Malaysia

*Pengarang penghubung
chekhadijah@uitm.edu.my

Received: October 2020
Accepted: November 2020
Online First: December 2020

ABSTRAK

Pada hakikatnya, sifat wang fiat yang diguna pakai pada hari ini tiada nilai hakiki dan menjadi suatu barangan komuniti. Sifat wang fiat sering dispekulasi, boleh dijual beli serta sewenang-wenangnya diturun naikkan nilai. Kelemahan yang nyata apabila nilainya tidak lagi disandarkan kepada instrumen emas yang lebih stabil. Persoalan adakah masih wajar menjadikan wang fiat yang hanya bersifat “dayn” sebagai urusan keagamaan seperti ibadat wakaf tunai. Justeru bagi merungkai persoalan ini, artikel ini cuba mencadangkan agar penggunaan dinar emas sebagai medium wakaf tunai diketengahkan. Objektif utama artikel ini adalah untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan penggunaan dinar emas sebagai medium berwakaf. Kedua, untuk menganalisis ukuran potensi ke atas dinar emas sebagai medium wakaf tunai samaada dapat diperhalusi sejauhmana



keperluannya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data-data diperoleh hasil temubual pakar yang dipilih. Kemudian, data dianalisis menggunakan analisis kandungan. Hasil kajian ini mendapati dari segi kekuatan terdapat 14 item yang diketengahkan mengenai kelebihan dinar emas sebagai medium berwakaf. Begitu juga, item yang diketengahkan berkenaan dengan kelemahan mempunyai kuantiti yang sama iaitu 14 item. Bagi tujuan potensi rata-rata pakar menyokong dinar emas berdasarkan sifat yang terdapat pada logam tersebut.

Kata Kunci: *Potensi, Dinar Emas, Medium Wakaf Tunai, Kelebihan, Kelemahan*

The Potential Use of Gold Dinar as a Medium of Waqf Cash: An Expert Findings

ABSTRACT

In reality, the nature of fiat money used today has no real value and it is a community goods. The nature of fiat money has always been speculated, can be traded and arbitrarily depreciated. The real disadvantage is that its value is no longer based on a more stable gold instrument. The question is whether it is still appropriate to make fiat money be attributed based on “dayn”, which is as a religious matter such as the practice of waqf cash. Therefore, to unravel this question, this article tries to suggest that the use of gold dinars as a medium of cash endowment. Secondly, to analyse the potential measure of the gold dinars as a medium of cash endowment, whether it can be further refined to the extent necessary. This study uses the qualitative approach. The data collection was done through interviews on selected experts. Then, the data were analyzed using content analysis. The findings of the study showed that there are 14 items which were highlighted about the advantage of gold dinars as a medium waqf, in terms of strength. Similarly, the same quantity of items found for the disadvantages. For potential, the experts averagely support the use of gold dinars based on the properties found in the metal.

Keywords: *Potential, Gold Dinar, Medium of Waqf Cash, Advantages, Disadvantages*

PENGENALAN

Pentakrifan oleh para fuqaha secara jelas melihat bahawa amalan wakaf sebagai satu bentuk kontrak muamalat yang melibatkan dalil, hukum, rukun dan syarat. Rukun tersebut penting bagi memastikan amalan tersebut sah di sisi Islam terutamanya membabitkan medium, mekanisme dan jenisnya penggunaannya (Muna Sulaiman, Mokhtar Ismail, Mohd Isa Mohd Deni & Hairullfazli Muhammad Som, 2015). Bentuk harta wakaf alih seperti wakaf tunai dilihat semakin popular dan mendapat perhatian oleh pihak pengendalian harta-harta wakaf. Kajian Syahnaz Sulaiman, Aznan Hasan dan Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad (2016) menerangkan bahawa peranan wakaf telah mengalami kemerosotan kerana tidak diurus secara efisien. Menurut mereka lagi, institusi wakaf seharusnya berperanan sebagai sebuah institusi kebajikan yang mempunyai fungsi dan kekuatan ekonomi. Lantaran itu, kesedaran bagi memberi pembaharuan terhadap fungsi wakaf semakin mendapat perhatian umat Islam sehinggalah pelaksanaannya semakin meluas dan menjadi salah satu bentuk wakaf yang bersifat moden serta memberi pulangan yang baik kepada masyarakat. Bentuk perwakafan seperti wakaf tunai terbukti berkesan melalui produktiviti yang terhasil dibandingkan dengan wakaf tanah dan wakaf bangunan yang hanya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat yang berlegar di kawasan tanah dan bangunan yang diwakafkan sahaja. Masalah ini terjadi apabila harta-harta yang diwakafkan terletak di lokasi yang kurang strategik dan tidak mempunyai nilai pembangunan. Justeru, pembangunan harta wakaf sebegitu sukar untuk dikembangkan dan dimajukan (Muhammad Zaim Ismail, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohd Anuar Ramli, 2015).

Penyelesaian terhadap masalah berkenaan adalah menjadikan wang sebagai mekanisme yang dilihat bersifat fleksibel apabila tidak mempunyai batas kawasan dan wilayah, maka dengan sifat wang tersebut penggunaannya dapat dimanfaatkan secara menyeluruh. Dengan sebab itu, kewujudan wakaf yang menggunakan wang pada hari ini terbukti memudahkan masyarakat Islam. Amalan sebegini dapat memberi peluang kepada masyarakat menambah amal kebajikan. Oleh sebab itu, wakaf tunai turut menjadi penekanan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) agar pelanggan terus konsisten (Muhammad Sofiyuddin Zakaria & Mohd Zamro Muda, 2015). Hasil usaha dan penekanan yang dilaksanakan oleh pihak bertanggungjawab berjaya mengubah anggapan masyarakat tentang

wakaf yang pada dahulunya hanya dianggap sebagai ibadah semata-mata, kini telah dibangunkan berasaskan nilai komersial seperti pembangunan kewangan Islam seperti terhasilnya produk-produk aplikasi wakaf yang berupaya meningkatkan dana wakaf (Muhamad Zaim Isamail, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohd Anuar Ramli, 2015).


Penelitian terhadap amalan berwakaf semasa mendapati bahawa terdapat pelbagai bentuk wakaf tunai yang diamalkan di seluruh dunia pada hari ini seperti saham wakaf, wakaf saham, wakaf takaful, wakaf tunai produk deposit dan wakaf tunai korporat (Razali Othman, 2014). Menurut Zool Hilmi Othman dan Md Yazid Ahmad (2015) yang meneliti situasi di Malaysia, mereka menyatakan pembangunan harta wakaf telah lama berkembang, pelbagai kaedah yang difikirkan untuk menggalakkan umat Islam dan orang bukan Islam berwakaf dengan cara lebih baik. Walau bagaimanapun, penelitian ke atas medium wakaf tunai yang digunapakai pada hari ini telah membawa kepada isu wang *fiat* antara kelemahan yang sering dikaitkan adalah mengenai unsur riba, inflasi, susut nilai, unsur ketidakpastian (*Gharar*), tiada nilai intrinsik dan ketidakadilan. Kekekalan ‘*Ayn* harta alih merupakan prinsip utama dalam amalan berwakaf. Justeru, logam berharga seperti dinar emas dilihat medium yang lebih baik. Maka dengan sebab itu, artikel ini bertujuan merungkai berkenaan kelebihan dan kelemahan sekiranya penggunaan dinar emas sebagai medium berwakaf ingin dilaksanakan di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi memenuhi objektif artikel ini maka pendapat dan pandangan daripada responden diambil kira. Kupasan adalah berdasarkan pendapat responden daripada tokoh agama, golongan akademik terdiri daripada mereka yang membincangkan tentang wakaf dan dinar emas serta golongan pengamal wakaf. Analisis ke atas responden dibuat menggunakan maklumat-maklumat yang diperolehi secara langsung. Mereka yang terpilih sebagai responden adalah seramai tujuh orang. Bagi menjaga kerahsiaan maklumat responden, perbincangan dalam kajian ini menamakan responden sebagai TA untuk tokoh agama, AA singkatan kepada ahli akademik dan PW bagi pengawal wakaf. Misal TA001, AA001, PW001 dan seterusnya.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Perbincangan di bawah tema ini merangkumi dua bahagian, bahagian pertama memperihalkan tentang kelebihan. Sementara itu, pada bahagian kedua memfokuskan kepada aspek kelemahan. Kelebihan dan kelemahan yang dikemukakan adalah untuk mengenal pasti unsur-unsur yang wujud sekiranya pelaksanaan dinar emas sebagai medium berwakaf ini dilaksanakan. Secara tidak langsung, ukuran potensi ke atas matlamat ini dapat diperhalusi sejauhmana keperluannya. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, terdapat empat belas item yang diketengahkan berkenaan kelebihan, perkara ini dinyatakan berdasarkan Rajah 1 berikut:



Rajah 1: Kelebihan Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf

Sumber: Analisis penyelidik berdasarkan hasil temu bual

Unsur atau item pertama yang dikemukakan adalah berkaitan instrumen menstabilkan nilai. Pada hakikatnya aspek ini adalah sangat dipersetujui oleh kebanyakan responden. Misalnya perkara ini dinyatakan begini oleh AA002 dan AA003, PW003. Bagi AA002 beliau berpendapat begini:

“Harga dinar emas sebenarnya *is an tangible asset you know, fiat money is very intangible*, duit itu boleh sahaja tidak laku pada bila-bila masa jika berlaku perang. Orang kaya dekat Iraq tidak boleh bawa duit ke Malaysia untuk lari dengan duit-duit dia tetapi kalau dia bawa dinar emas, dinar emas boleh laku dimana-mana”

Kemudian, jalan cerita yang hampir sama dikemukakan dengan AA002 iaitu AA003, beliau pula berkata-kata begini:

“...kalau *you* tengok pelarian Vietnam semasa masuk ke Malaysia lari ke Malaysia dia tidak bawa pun duit, kenapa dia tidak bawa, cuba *you* cari kenapa dia tidak bawa, sebab kalau dia bawa, katakan dia bawa satu juta duit Vietnam *you* nak beli tidak duit dia, dia sudah tahu dah siapa nak beli duit dia, so dia smart dia bawa emas, sebab kalau emas ini ke mana dia pergi dia boleh guna sebab dinar emas bernilai”

Kenyataan daripada kedua-dua responden tersebut mengakui kelebihan dinar emas berbanding wang *fiat* adalah dari segi ukuran kestabilan. Hussin Salamon dan Zanirah Mustafa (2009) dalam kajian mereka menegaskan bahawa dinar emas tidak dapat digugat oleh mana-mana mata wang, termasuk dolar Amerika kerana dinar emas merupakan satu bahan komoditi yang mempunyai nilai yang amat stabil. Selain itu, pendapat yang lebih berfokus kepada amalan wakaf diutarakan oleh PW003 yang berpendirian begini, beliau dalam ungkapannya menyuarakan:

“...sebagai membantu kita menstabilkan nilai mata wang daripada sumbangan wakaf tunai itu adalah lebih baik kalau kita ada satu mekanisme yang boleh yang kita wujudkan dinar emas itu”

Pernyataan yang dikeluarkan oleh PW003 berpegang kepada hujah kestabilan dinar emas sebagai salah satu mekanisme yang baik berbanding wang *fiat*. Maka, dengan sebab itu, pendapat ketiga-tiga responden tersebut boleh dikategorikan sebagai golongan yang bersetuju bahawa dinar emas sesuatu instrumen yang stabil. Ekoran kestabilan tersebut PW003 yakin bahawa mekanisme tersebut sangat diperlukan bagi memastikan dana wakaf yang dikumpul dapat distabilkan dengan sesuatu mekanisme yang

perlu difikirkan. Bagi item kedua, adalah berkenaan ketiadaan unsur riba. Perkara ini juga turut dipersetujui. Pandangan ini dinyatakan oleh PW003 dalam ulasan yang disampaikan, antaranya sebagaimana berikut: “*sistem wang fiat yang ada pada hari ini adalah sistem riba yang ada money clash*”. Ungkapan yang diutarakan memperjelaskan bahawa wang *fiat* mempunyai permasalahan. Sementara itu, PW003 memberikan ulasan berhubung kelebihan dinar emas. Daripada pandangan yang beliau sampaikan, dapat diketengahkan beberapa item penting diulas berhubung aspek kelebihan. Ulasan tersebut telah membentuk tiga unsur yang secara langsung dapat dinyatakan sebagai item ketiga, keempat dan kelima.

Berdasarkan andainya yang dibuat oleh PW003, beliau menjangkakan berlaku peningkatan industri pengeluaran dinar emas ekoran kewujudan dinar emas sebagai medium berwakaf. Peningkatan ini berlaku ekoran permintaan terhadap dinar emas adalah tinggi kerana tumpuan masyarakat untuk memiliki dinar emas sebagai amalan berwakaf. Secara tidak langsung, sekiranya berlaku aktiviti tersebut dalam kalangan masyarakat di Malaysia maka perkara tersebut disifatkan dapat merancakkan lagi industri pengeluaran dinar emas. Hasil kerancakkan tersebut sedikit sebanyak dapat membawa kemajuan kepada masyarakat. Turut sama memberi penekanan kepada item kelima ini adalah PW001. Beliau memberi gambaran yang jelas tentang aktiviti yang akan berlaku sekiranya matlamat kajian ini tercapai. Menerusi kata-kata yang dikeluarkan oleh beliau, beliau menegaskan begini:

“...apabila perkara berkenaan mekanisme dinar emas sebagai medium ini sudah diluluskan, dia open kepada mana-mana pembekal ataupun mereka yang berminat untuk tujuan tersebut, so secara langsung industri pengeluaran dinar pun meningkat”

Dalam keadaan tersebut diperjelaskan lagi bahawa industri pengeluaran dinar emas meningkat. Item keenam pula, menegaskan tentang aspek pembentukan badan-badan yang bertanggungjawab mengawal selia dinar emas. Perbincangan tersebut telah diterangkan oleh PW001 yang menyatakan dalam ulasan pendeknya seperti berikut: “ *mungkin ada satu bank atau satu badan yang mengawal selia dinar emas itu, macam juga mengawal selia duit ringgit pada hari ini*”. Tugas mengawal selia melibatkan pihak kerajaan dan swasta. Dengan penglibatan pihak-pihak tersebut dapat memberi pelbagai impak yang baik kepada masyarakat.

Selain itu, apabila memahami secara langsung PW001 cuba memberi kefahaman yang jelas bahawa apabila pelaksanaan dinar emas sebagai medium berwakaf diwujudkan. Satu perancangan dan strategi yang rapi perlu diwujudkan. Kewujudan badan-badan yang bertanggungjawab terutama pihak kerajaan melancarkan lagi segala urusan pelaksanaan dinar emas sebagai medium wakaf. Di samping wujudnya sumber yang menyediakan kemudahan penjualan dinar emas dalam skala yang besar. Kemudian, menyentuh aspek pembangunan menjadi item ketujuh berkisar pada fokus perbincangan. Aspek ini telah disentuh oleh PW002, beliau menyifatkan bahawa dinar emas memberi nilai impak yang baik untuk pembangunan jangka masa pendek dan panjang. Beliau menyatakan dalam ulasan yang diungkapkan seperti ini:

“...kalau akan datang kita memang dasar kita pun guna dinar emas dalam ekonomi, memang sangat sesuai lah untuk digunakan dalam jangka panjang dan jangka pendek, jangka pendek atau jangka panjang memang sangat sesuai lah, sebab kita memang betul lah kita memang kita tak habiskan semua duit wakaf ini ada sedikit yang kita tinggalkan, kalau dinar emas akan naik lah nanti tak turun nilainya”

Hujah yang dikemukakan oleh beliau, berkait rapat dengan unsur dinar emas sebagai sumber pelaburan yang memberi pulangan kepada aspek pembangunan sesebuah negara. Dalam pada itu, aspek pembangunan juga disokong oleh pendapat AA002 dalam kenyataannya mengungkapkan sedemikian: *“instrumen pelaburan, so that is the disadvantages”*.

Kenyataan ini kerana, hasil sumbangan tidak digunakan sepenuhnya untuk pembelian aset kekal tetapi masih mempunyai faedah lain yang dapat dibangunkan, yang dilihat memberi keuntungan apabila peningkatan harga emas meningkat. Sekiranya diamati, kedua-dua responden yang menyentuh berkaitan aspek pembangunan ini bersetuju bahawa penggunaan dinar emas bakal membawa kemajuan kepada negara terutama hasil daripada aktiviti pelaburan dinar emas ke atas harta-harta wakaf. Kemudian, seorang lagi responden yang rancak berhujah tentang kelebihan penggunaan dinar emas sebagai medium wakaf adalah TA001. TA001 telah menggariskan tiga kelebihan dengan jelas. Secara dasarnya kelebihan yang disenaraikan tersebut mencakupi item kelapan, kesembilan dan kesepuluh. Item kelapan

diketengahkan mengenai sifatnya yang lebih selamat daripada wang *fiat*, beliau menegaskan begini:

“...wang dinar itu adalah dia lebih selamat digunakan untuk beli aset daripada wang fiat, sekarang ini kalau kita nak tukar duit di Indonesia dengan keadaan duit yang turun naik orang tidak terima, di Indonesia pun orang tak terima”

Aspek keselamatan telah ditekankan oleh TA001, dan beliau menghubungkan kait dengan kegawatan ekonomi memberi kesan langsung kepada kestabilan wang *fiat*, sifatnya boleh susut nilai pada bila-bila masa yang memungkinkan wang *fiat* mempengaruhi permintaan ke atasnya. Oleh itu, pandangan ini seolah-olah memihak kepada dinar emas yang dilihat lebih selamat. Perkara ini dikukuhkan oleh kenyataan yang dikeluarkan TA001, sekali lagi TA001 berpendapat begini:

“...kita nampak duit sekarang ini duit yang ada ini dia tidak bersandar kepada emas, diapungkan dia jadi macam ini lah, nilai itu dinilai oleh apungan....dinar emas lebih baik daripada kertas maksudnya kalau duit kertas ini dia kalau tidak jaga satu juta kita simpan kalau perang ke apa akhirnya jadi duit jepun, tak bernilai langsung, tetapi kalau dia simpan dengan duit emas dengan dinar emas macam mana pun dia tidak akan susut, dia kekal, lebih selamat”

Maka, pandangan yang diutarakan kesemua memihak kepada sifat dinar emas yang dilihat lebih menguntungkan. Begitu juga, item kesembilan yang menekankan tentang lebih *afdal* yang bermaksud penggunaan dinar emas lebih dituntut berbanding wang *fiat*. Kemudian, jelas menunjukkan responden mengakui bahawa dinar emas mempunyai kelebihan tersendiri. Bagi aspek digalakkan yang menggambarkan kelebihan ini disenaraikan sebagai item kesepuluh. Mengambil kefahaman tentang maksud digalakkan yang dinyatakan oleh TA001 berikut, beliau melihat bahawa adalah amat menjadi keperluan menjadikan dinar emas sebagai medium berwakaf. Usaha ini dilihat sebagai salah satu usaha yang baik. Kedua-dua perkara tersebut telah diutarakan oleh TA001 secara jelas, TA001 berkata-kata begini:

“Yang *afdal* begitulah macam di zaman kita, kita tidak menggunakan dinar emas kalau hasilnya akan datang nak tukar supaya lebih selamat boleh lah setiap wakaf itu dibeli pula dengan duit emas supaya menggantikan kemudian beli aset. Lebih baiklah *afdal* begitulah dan digalakkan, memang sepatutnya begitulah sebab wakaf itu bila wakaf kita kena jaga supaya dia berkekalan hukum wakaf”

Di samping sifatnya yang lebih *afdal* dan digalakkan, pelaksanaannya turut mengetengahkan item kesebelas apabila dinyatakan dapat menghidupkan semula martabat dinar emas. TA001 sekali lagi melontarkan pendapatnya begini: “*makna orang bagi wakaf menggunakan dinar emas, boleh juga kita akan memulakan menghidupkan dinar emas*”. Lanjutan daripada itu, bagi item keduabelas berikut merangkumi sifatnya yang dikatakan memenuhi fungsi wang. AA003 sangat menekankan hal ini, misalnya beliau mengungkapkan begini:

“saya melihat dinar emas ini dapat memenuhi fungsi wang sebagai instrumen pertukaran, sebagai instrumen penyimpan nilai tadi dia menepati fungsi tersebut”

Kesesuaian dinar emas memenuhi fungsi wang diakui oleh AA003 terhadap elemen-elemen yang perlu ada pada mekanisme yang dijadikan wang. Selari dengan kekuatan tersebut peluang untuk menerapkan dinar emas menjadi mekanisme awal adalah lebih terbuka luas. Sementara itu, kelebihan seterusnya dinyatakan berkenaan kepelbagaian fungsinya yang dikategorikan sebagai item ketiga belas. Perkara ini dijelaskan oleh AA003 begini, beliau menerangkan sedemikian:

“kalau wanita dia boleh guna macam-macam sebagai instrumen perhiasan, dalam perubatan digunakan dan mempunyai nilai yang diterima sebagai wang”.

Sememangnya terbukti penggunaan dinar emas boleh diaplikasi secara meluas dan tidak menjadi kebimbangan sekiranya dinar emas ini dapat diamalkan sebagai amalan wakaf kerana peluang untuk memberi manfaat kepada masyarakat adalah sangat tinggi. Penggunaannya boleh diadaptasi dalam pelbagai sektor sekaligus pengagihan kekayaan daripada amalan wakaf dapat dirasai secara menyeluruh.

Akhir sekali, berkenaan item keempat belas dikemukakan. Aspek dinar emas menepati aspek *maqasiq* wakaf setelah dibandingkan dengan wang *fiat*. Menurut kata-kata yang dikeluarkan oleh AA003 beliau meluahkan sebagaimana berikut: “Sedangkan *secara umumnya pun wang fiat memang tidak clear dari segi syarak apa lagi dalam konteks wakaf sendiri*”. AA003 secara jelas menyatakan wang *fiat* tidak menepati *maqasid* wakaf. Maka atas dasar tersebut dinar emas dijadikan mekanisme yang lebih menepati *maqasiq* wakaf. Kesudahan bagi item-item yang dibincangkan oleh responden, dapat dijadikan ukuran bagi tahap potensi yang dapat dicapai. Oleh yang demikian, perbincangan mengenainya dirumuskan sebagaimana akan dijelaskan dengan lebih berfokus melalui Jadual 1.1 yang dikemukakan berikut. Secara umumnya, Jadual 1 menunjukkan tentang kelebihan yang menjurus ke arah pembentukan dinar emas sebagai medium berwakaf di Malaysia:

Jadual 1: Aspek Kelebihan Ke arah Potensi Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf di Malaysia

Bil	Kelebihan Wakaf Dinar Emas	Potensi yang terhasil
1	Instrumen menstabilkan nilai	Tidak terganggu dengan kegawatan ekonomi
2	Tiada unsur riba	Tidak mengandungi ciri-ciri penyelewengan
3	Peningkatan industri pengeluaran dinar	Memperluaskan industri emas dan peluang pekerjaan
4	Diakui berpotensi	Sokongan daripada Pakar Sepenuhnya
5	Wujud badan mengawal setia	Pembentukan institusi, gabungan pakar pelbagai bidang
6	Pembangunan	Penerokaan bidang sains, ekonomi dan kewangan
7	Keselamatan	Jaminan daripada Muflis
8	Lebih <i>afdal</i>	Mempunyai kekuatan berbanding wang <i>fiat</i>
9	Digalakkan	Diakui oleh masyarakat sebagai logam berharga
10	Menghidupkan dinar emas	Melakukan perubahan, sejarah sebagai kayu ukur
11	Mekanisme pelaburan	Jaminan dan kesesuaian bagi tempoh yang panjang

12	Memenuhi fungsi wang	Ciri dan fungsi wang yang bersesuaian dalam Islam
13	Kepelbagaian fungsi	Pentabiran progresif daripada pihak urus tadbir wakaf
14	Memelihara <i>maqasiq</i> wakaf	Jaminan elemen kekekalan 'ayn wakaf


Sumber: Analisis penyelidik berdasarkan data temu bual

Daripada keseluruhan Jadual 1.1 dapat dirumuskan bahawa potensi cukup besar dapat terhasil daripada pembentukan produk baharu wakaf seperti yang dibincangkan sebelum ini. Pada permulaannya, apabila kita melihat kepada situasi ekonomi yang berlaku di Malaysia, berlaku turun naik harga barangan. Perkara sebegini sudah tentu memberi kesan kepada simpanan pewakaf yang disimpan. Tetapi sekiranya dinar emas digunakan kemungkinan besar perkara ini dapat diatasi. Ditambah pula, dinar emas sering kali diteliti kurang mengandungi ciri-ciri penyelewangan dalam urusan muamalat.

Selain itu, sekiranya perkara berkaitan dinar emas sebagai medium berwakaf ini terhasil, dijangka aktiviti pengeluaran dan industri emas semakin meningkat. Ekoran berlakunya peningkatan ini maka secara tidak langsung dapat memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat. Begitu juga dengan sokongan daripada pihak pakar. Aspek ini dilihat dapat memberi peluang kepada pembentukan sebuah institusi yang kuat apabila berlaku gabungan pakar-pakar dalam pelbagai bidang untuk memastikan penyeliaan dan pemantauan dinar emas di Malaysia. Kepakaran pelbagai bidang mencakupi bidang kejuruteraan, sains, ekonomi, kewangan, pentadbiran dan agama dapat membentuk sebuah kekuatan.

Dalam pada itu, jaminan keselamatan terhadap dinar emas dilihat lebih baik berbanding wang *fiat*. Perkara ini berikutan, sekiranya berlaku segala kemungkinan seperti peperangan dan bencana alam, wang dinar masih boleh berfungsi kerana tidak akan mufliis. Oleh kerana sifatnya lebih memberi pulangan, serta ciri dan fungsi wang yang bersesuaian dalam Islam, maka penerimaan masyarakat semakin bertambah. Sementara itu, memandangkan sifatnya sebagai sumber pelaburan juga memberi jaminan bagi tempoh yang panjang, termasuklah memberi lebih kepercayaan kepada masyarakat. Sekiranya terhasilnya dinar emas sebagai medium berwakaf,

perkara ini membuka ruang kepada pihak pentadbiran menjalankan kegiatan wakaf yang lebih progresif. Di samping menjaga elemen kekekalan 'ayn kepada pewakaf. Kemudian, perbincangan artikel ini diteruskan dengan bahagian kedua iaitu aspek kelemahan. Aspek kelemahan diutarakan agar dapat meneliti ukuran potensi dinar emas sebagai medium berwakaf yang menjadi matlamat kajian ini. Maka, dalam Rajah 2 menunjukkan kelemahan dinar emas sebagai medium berwakaf sebagaimana berikut:



Rajah 2: Kelemahan Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf
(Sumber: Temu bual ke atas responden)

Berdasarkan kelemahan yang dikemukakan, didapati terdapat empat belas item yang disenaraikan berkaitan dengan kelemahannya, perbincangan responden menumpukan kepada item pertama iaitu masalah praktikal. Daripada tujuh responden, lima daripadanya adalah mereka yang menyentuh berkaitan aspek penggunaan yang dianggap tidak praktikal. Kelima-lima daripada mereka memberikan hujah masing-masing dengan penjelasan tentang kepentingan aspek tersebut diteliti antaranya dibincangkan oleh PW003, PW001, PW002, TA001 dan AA002. Kemudian, daripada kelima-lima responden, dua daripadanya menyentuh secara langsung berkenaan dengan aspek praktikal. Perbincangan mereka adalah sebagaimana berikut, misalnya pendapat PW003 dan PW001, menurut mereka begini:

“Apa yang saya nampak di sini praktikal nya, praktikal nya akan timbul masalah kalau boleh buat perkara itu lagi baiklah, cuma saya nampak itu dari segi pelaksanaannya”

Kemudian, PW001 pula yang memberi hujah, beliau berkata-kata begini:

“...tempoh hari ada juga orang datang mahu bagi dinar emas, kita kata tidak boleh sebab dinar kena ditukar kepada tunai, pastu dia marah kenapa begini, kita bukan maksudnya menolak terus tapi dari segi praktikal tidak boleh jadi kita tidak terima lah”

Daripada hujah-hujah tersebut, fokus tertumpu kepada persoalan pada masa ini. Perkara ini mencakupi realiti sebenar yang perlu diterima kerana hakikat pilihan yang ada pada masa ini adalah wang *fiat* yang digunakan sebagai instrumen pertukaran ekonomi. Sedangkan, dinar emas hanya berperanan sebagai instrumen perhiasan atau alat pelaburan. Dengan sebab itu, PW001, PW002, TA001 dan AA002 sangat bersetuju dinar emas perlu dijadikan sebagai medium pertukaran terlebih dahulu, sekiranya perkara ini tidak terlaksana maka permasalahan ini membawa kepada masalah praktikal. Misal nya TA001 dan AA002 mereka berkata begini:

“...selagi mana dinar emas belum menjadi mata wang, mata wang rasmi negara Malaysia *so* secara tidak langsung dinar emas boleh jadi emas sahaja dia tidak boleh jadi mata wang”

“...kita tetap perlu tukar kepada *value* semasa, bukan emas sahaja yang kita simpan tak, kita simpan *value* emas itu untuk tukar kepada tunai”

Dasar utama yang ditekankan oleh TA001 dan AA002 berhubung perkara medium pertukaran tersebut mengambil kira aspek dinar emas perlu dicairkan terlebih dahulu, memandangkan perlunya mencairkan dinar emas tersebut, penggunaan dinar emas tersebut dilihat seolah-olah melaksanakan kaedah yang dikatakan dua kali kerja atau kerja berganda. Perkara ini jelas diutarakan oleh AA002, menurut beliau begini:

“...kita nak gunakan dinar untuk menggantikan *fiat money for the purpose of waqf* dia akan ada *Tree Pa Tide punya circle*, you

need still to use fiat money to buy for dinar dan dinar itu akan diwakafkan”

Justeru, apabila permasalahan sebagai medium pertukaran masih belum terlaksana dengan sebab pelbagai halangannya. Memandangkan isu pelaksanaan adalah antara halangannya, secara tidak langsung matlamat artikel ini adalah menjadi kesukaran untuk dicapai. Aspek kesukaran yang juga digariskan sebagai item kedua dapat dibahagikan kepada lima permasalahan yang sukar diatasi. Pertama mengenai elemen birokrasi, kedua ketidaksediaan pihak bank untuk menerima dinar emas. Ketiga, memerlukan penglibatan ramai pihak. Keempat pula mencakupi sifat dinar emas itu sendiri iaitu aspek ketulenan dan ukuran serta berat dinar emas. Kelima, keperluan urus niaga secara tidak tangguh. Aspek birokrasi yang dimaksudkan adalah dijelaskan begini oleh PW003 misalnya seperti berikut:

“...kita lah yang patut sediakan kemudahan-kemudahan itu kepada mereka, daripada kita meletakkan ataupun mackik beli satu dinar emas pada harga RM1000.00 sekeping dinar emas mackik wakafkan, so itu meletakkan lagi birokrasi, saya rasa dia akan menambahkan lagi birokrasi daripada proses mewakafkan harta daripada penyumbang-penyumbang itu sendiri”

Birokrasi akan wujud akibat penyumbang terpaksa mempunyai dinar emas terlebih dahulu sebelum berwakaf. Oleh itu, hal ini dilihat sukar kepada masyarakat ditambah pula situasi kini pihak bank tiada menerima sebarang bentuk dinar emas sebagai mata wang dan segala urus niaga emas tidak boleh dilakukan secara bertangguh akan menyukarkan lagi proses tersebut. Sementara itu, kesukaran juga wujud apabila sifat dinar emas itu sendiri yang dikatakan berat serta aspek ketulenan juga turut menjadi isunya. Kesukaran mengesan aspek ketulenan diperkatakan oleh PW001, beliau menegaskan begini:

“...dari segi ketulenan pula perlu ada satu instrumen yang membolehkan pihak berwajib menyemak seperti instrumen mengesan ketulenan, betul atau tidak ini dinar emas, ada isu juga untuk menyemak ketulenan emas yang dibawa oleh orang untuk berwakaf, kalau datang betul ke emas, berapa nilai”

Selain itu, penglibatan oleh pelbagai pihak yang saling bekerjasama antara sumber tertentu yang perlu diambil pertimbangan. Peranan sektor kerajaan dan swasta dalam pelaksanaan memberikan fungsi yang pelbagai, apabila kesediaan pelbagai pihak secara tidak langsung dapat meringankan kesukaran yang wujud.

Seterusnya, item ketiga iaitu berhubung pengambilan masa yang panjang. Bagi PW003 dan PW001 masing-masing mempunyai persamaan pendapat berhubung pengambilan masa yang panjang, ini kerana bagi mereka untuk merealisasikan produk wakaf berasaskan dinar emas, satu jangka masa yang lama diperlukan. PW001 menjelaskan bahawa pelaksanaan mungkin mengambil masa yang panjang kerana perkara tertentu memerlukan perbincangan secara terus menerus. Justeru, bagi PW003 beliau menerangkan begini: *“mahnanya kena ambil masa yang jauhlah untuk kita capai ke tahap itu”*.

Dalam pada itu, PW003, PW001 dan TA001 mempunyai perspektif yang sama apabila masing-masing menyuarakan tentang item keempat iaitu isu berkaitan keselamatan. Bagi PW003, misalnya beliau mengungkapkan begini: *“kita nak bawa satu dinar itu kita takut, kita bayangkan satu dinar tunai mungkin nilai sudah RM600.00”*. Ekoran nilai dinar emas yang tinggi berbanding wang *fiat* beliau bimbang akan risiko terhadap faktor kehilangan dan rompakan. Dengan sebab itu, PW001 berpandangan bahawa perlunya tempat khas untuk menyimpan dinar emas yang diwakaf atas faktor keselamatan. Kegusaran beliau tentang permasalahan ini dilontarkan seperti mana berikut: *“aspek keselamatan juga lah, kita memang niat untuk orang berwakaf tetapi emas itu bagaimana? nak menyimpannya adalah satu isu”*. Berbanding PW001 dan PW003, TA001 yang juga menyentuh aspek keselamatan tetapi menjelaskan isu berkaitan dinar emas tiruan serta kerosakan fizikal seperti dikikis dan ditebok. Permasalahan ini diungkapkan begini oleh TA001, beliau berkata-kata:

“...pada keadaan zaman sekarang ini kena ada baik dan buruknya, kertas pun orang boleh palsu dan sebagainya kalau emas lagi macam-macam orang boleh buat, jadi perkara ini kena dinilai semula sebab zaman ini memerlukan difikirkan bagaimana agaknya kalau duit itu ditebok dan dikikis”

Selain memikirkan isu keselamatan, item kelima pula dikhuatiri antaranya keperluan kepada promosi. Perkara ini dinyatakan, sekiranya sesuatu produk wakaf yang baharu diperkenalkan maka pengenalan kepada masyarakat adalah satu keperluan. Dengan sebab itu, PW003 dalam kenyataannya mengungkapkan sedemikian:

“...mungkin kita kena ada satu program mempromosi wakaf dinar itu sendiri, di mana orang itu sekurang-kurangnya dia bawa dalam program kita RM300.00, RM400.00 untuk ditukarkan pada dinar emas”

Sehubungan dengan itu, keperluan promosi berhubung perkara itu adalah sesuatu yang penting apabila membabitkan masyarakat. Dengan sebab itu, perkara berkaitan kesedaran sosial turut sama menjadi kepentingan. Kesedaran sosial masyarakat secara tidak langsung disenaraikan sebagai item keenam. Dikatakan bahawa aspek ini penting kerana cara untuk memberi pemahaman kepada masyarakat memerlukan cara dan kaedah yang betul. Pernyataan terbabit dikemukakan oleh PW001 dan PW002. Mereka melontarkan tentang perkara ini, misalnya PW002 berkata begini:

“...bukan senang kita nak brand wash, kadang-kadang masyarakat wakaf pun dia tidak tahu itu apa, mungkin orang yang bergiat langsung macam kita ini mungkin kita tahu lah sikit-sikit, bukan tahu semua tahu lah sikit-sikit”

Sementara itu, PW001 pula mengungkapkan begini: “*isu kita nak memahamkan masyarakat Islam sendiri pun ambil masa, ini kan pula dengan bukan Islam kan*”. Daripada kedua-dua pandangan yang diberikan, mereka seakan-akan risau tentang perkara yang perlu diambil tindakan bagi memastikan kefahaman masyarakat. Dengan sebab itu, pelaksanaan wakaf dinar emas ini sekiranya ingin dicapai memerlukan waktu yang panjang. Begitu juga, promosi secara menyeluruh perlu dilaksanakan oleh pihak berkuasa. Bersangkutan permasalahan masyarakat, item ketujuh juga mengetengahkan isu berkaitan masyarakat. PW003 dan PW002 misalnya, secara langsung mengetengahkan aspek kemampuan masyarakat. Perkara ini disuarakan oleh PW003 terlebih dahulu, kemudian diikuti oleh PW002. Mereka menyuarakan pandangan masing-masing dengan berhujah sedemikian:

“...magnanya dulu kita buat wakaf tunai sebanyak RM10.00 orang bagi duit dekat kita, sekarang wakaf tunai RM5.00 pun susah, kalau kita buat dinar emas nanti lagi lah orang nak kena bawa banyak duit untuk berwakaf pula”

“...mungkin kalau wakaf guna dinar perlu tiga empat ratus, berbanding kemampuan kita, mungkin kita hanya mampu menyumbang RM10.00 jadi itu dia punya kelemahan”

Kerana kesempitan tersebut, kadar penyumbang wakaf mungkin berkurang kerana memerlukan modal yang tinggi untuk melaksanakan amalan tersebut. Perkara tersebut memberi kelemahan yang ketara. Sedangkan penawaran serendah RM5.00 pada zaman sekarang masih kurang kemampuan bagi masyarakat, apatah lagi dinar emas yang kemungkinan besar sekeping harga dinar emas mencecah RM600.00 sehingga ke RM800.00. Dengan itu dinyatakan, kadar gaji masyarakat perlu difikirkan. Pendapat ini disokong oleh PW002, beliau dalam unguapannya menyatakan begini:

“...yang RM5.00 itu pun, dengan ekonomi macanana sekarang ini kan, orang pun kalau gaji berapa sangat yang tinggal, wakaf pula tinggal lah sikit”

...lagipun amalan wakaf ini tidak wajib, lagilah masyarakat tolak ketepi wakaf itu, tetapi kalau macan bulan Ramadhan ramai lah saya tengok orang akan berwakaf, pahala bulan Ramadhan itu”

Ekoran permasalahan ini, item ketujuh dihujuhan berkenaan hanya memfokuskan kepada golongan tertentu sahaja. Sama ada fokus kepada golongan yang berpendapatan tinggi sahaja ataupun umat Islam yang mempunyai harta semata-mata. Oleh yang demikian, bagi golongan yang berpendapatan rendah agak sukar untuk berwakaf yang menyebabkan penggunaannya tidak berkembang. Perkara ini dipersetujui oleh PW003, PW001 dan AA001. Misalunya PW003 berkata begini:

“...mungkin kita hanya boleh menerima orang-orang tertentu sahaja, dari segi *marketing* itu jadi agak sukar skopnya hanya boleh orang-orang tertentu sahaja”

“perkara penggunaan dinar emas sebagai medium boleh berjalan, tetapi dalam kelompok tertentu sahaja, penggunaannya tidak boleh meluas, benda itu boleh berlaku”

Tumpuan hanya kepada golongan berpendapatan tinggi atau berharta sahaja menyebabkan kebarangkalian untuk berlaku pengurangan ke atas bilangan pewakaf adalah tinggi. Bagi item kelapan pula responden menyuarakan tentang masalah pembekal. PW001 dan PW002 menyuarakan berhubung hal ini. Bagi mereka penggunaan dinar emas menyukarkan kerana memerlukan sumber emas yang banyak daripada pihak pembekal sedangkan bekalan emas adalah terhad. Kemudian, bagi item kesembilan pandangan yang diberikan menjurus ke arah mewujudkan satu mekanisme. Perkara ini ditekankan oleh PW003 dan AA002. PW003 dan AA002 mencadangkan perlu adanya satu mekanisme atau sistem untuk memastikan pelaksanaannya. Cadangan mereka adalah seperti berikut, beliau menerangkan begini:

“...alangkah baiknya kita ada satu mekanisme untuk menstabilkan nilai mata wang itu dalam keadaan mencari ruang-ruang dan masa untuk harta itu, ada mekanisme menstabilkan...
“*Very difficult in the way of* harga emas ini naik setiap hari kadang-kadang setiap jam, kadang setiap saat kan, *so how are you going to evaluate* harga barang tersebut dengan nilai emas masa kita beli, *so itu yang kita cari satu mechanism*”

Seorang lagi responden menyokong pandangan ini adalah TA001. TA001 membuat perumpamaan seperti mana berikut, beliau berkata-kata begini:

“...perlu ada satu sistem, sistem yang macam dinar, maka kita boleh kita nak beli kereta tidak akan kita nak bawa satu guni kita bawa, dia kena mesti ada satu sistem lah, sistem makna kita kena wujudkan dulu sistem baharu itu”

Melalui ketiga-tiga pandangan yang diberikan, untuk memastikan dinar emas sebagai medium berwakaf terlaksana, dapat diputuskan bahawa satu mekanisme perlu dicipta untuk menjadikan dinar emas sebagai medium wakaf. Dalam pada itu, AA001 dan AA002 mereka mempunyai pandangan berbeza, AA001 melihat aspek ketiadaan pakar turut membawa kelemahan

kepada amalan ini sekiranya ingin dicapai. Unsur ketiadaan pakar ini telah disenaraikan sebagai item kesepuluh. Berikut merupakan kenyataan yang dikeluarkan oleh AA001:

“Pelaksanaannya barangkali kepakaran tidak ada, orang yang tahu dua dunia tidak ada dia tahu agama sahaja dia tidak tahu urusan dunia, begitu juga, dia tahu urusan dunia dia tidak tahu agama.

...kepakaran tidak ada, maka kita nak memastikan emas itu sentiasa ada mana kita tahu, di Malaysia dimana lubang emas yang kita cakap, kita tidak tahu kan, orang kata di Kelantan ada tapi dicari-cari sampai sekarang pun orang tak jumpa, kita hanya membaca kita tidak pakar kita tidak tahu”

Keperluan kepakaran dalam bidang emas mencakupi pencarian emas, penempatan emas adalah menyumbang kepada pembentukan dinar emas sebagai medium berwakaf. Berhubung pandangan berbeza yang diperkatakan, AA002 mempunyai pandangan yang lebih bersifat global. AA002 dalam berhujah tentang item kedua belas, melihat isu kebergantungan negara terhadap negara-negara luar yang menjadi keterbatasan Malaysia untuk melaksanakan amalan wakaf yang dicadangkan. Ekoran permasalahan ini disentuh oleh kajian oleh Hassanuddeen (2009) yang menegaskan bahawa negara-negara Islam sendiri patut mengambil langkah untuk bersatu dan menubuhkan kesatuan ekonomi sendiri dan mengurangkan kebergantungan pada sistem Barat. Justeru, ekoran pergantungan kepada kuasa besar tersebut jelas melalui penegasan AA002 berhubung perkara ini dinyatakan begini:

“...for Malaysia is quite difficult because kita ini negara yang bergantung kepada *commodity*. Maksudnya *export* kita adalah kelapa sawit, kalau orang tidak beli kelapa sawit kita, kita tak boleh nak *sustain* lah”

Walau bagaimanapun, menurut beliau lagi sesebuah negara itu sebenarnya boleh untuk menghasilkan sistem mereka sendiri. Sebagai contoh negara Brunei, kebarangkalian untuk menggunakan dinar emas adalah tinggi kerana negara tersebut tidak mempunyai pergantungan secara meluas dengan negara luar. Sehubungan dengan itu, kebergantungan tersebut

menjadikan agak sukar untuk memartabatkan penggunaan dinar emas di Malaysia. Selanjutnya, tumpuan kepada permasalahan eksploitasi emas sebagai item ketigabelas, manakala isu berkenaan turun naik harga turut sama dipersoalkan. Misalnya PW003, yang menerangkan begini:

“Masalah sekarang emas itu sendiri orang dah jadi bahan dagangan kan, jadi itu pun satu benda saya duk fikir juga kalau setahun dua lepas nilai emas dah sampai RM200 ke satu gram, sekarang dah tinggal RM120 kan, so apa sebenarnya yang berlaku, saya bukan ahli ekonomi, bila emas itu sendiri di eksploitasi sebegitu rupa”

Daripada pernyataan yang diberikan, PW003 cuba memberi gambaran tentang emas turut dimanipulasi dalam sistem ekonomi. Maka perkara tersebut turut menjadi kebimbangan terhadap perkara berkaitan emas.

Seterusnya, mengenai item keempat belas pula, perkara yang dikatakan tidak menepati maksud keperluan wakaf menjadi aspek terakhir dalam perbincangan ini. Secara umumnya, keperluan wakaf tunai adalah bermatlamat untuk menghasilkan aset kekal seperti pembinaan bangunan dan pelbagai aset kekal yang lain. Pembinaan aset kekal tersebut tidak mengundang kepada isu kekekalan harta wakaf. Permasalahan ini telah diutarakan oleh PW001, beliau menegaskan begini:

“Tapi kita fokus utama untuk pembangunan wakaf, bukan untuk urusan jual beli, bila sampai tahap kita bangun kita bangun terus tak perlu sampai tahap tunggu lagi tunggu lagi, sebab tu *secondry* bukan objektif untuk buat pelaburan”

Hujah tersebut sekali lagi seakan-akan disokong, PW002 sependapat dengan PW001 berhubung perkara ini. Misalnya beliau mengungkapkan begini:

“Kita punya *target* itu bukan untuk *investment long time* apa semua tapi sekarang ini, kita hanya nak orang tu berwakaf orang dapat pahala hikmah-hikmah dia sahaja, pahala itu lepas itu untuk nak bangunkan ekonomi sendiri lah”

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh kedua-duanya, penelitian mendapati mereka menekankan kepada pembelian aset kekal. Sehubungan dengan itu, tiada keperluan untuk menstabilkan nilai mata wang. Oleh demikian, mereka mengutamakan bahawa matlamat wakaf tersebut sudah tercapai dengan menukarkan kepada aset kekal. Walau bagaimanapun, terdapat juga responden yang tidak sependapat tentang itu. Perkara ini disebabkan, dana wakaf yang disimpan mengambil masa untuk ditukarkan kepada aset kekal. Bentuk sokongan mengenainya diutarakan oleh AA002, beliau sangat menekankan kepada keperluan menukarkan dana tersebut dengan segera. Sebagaimana dinyatakan begini:

“pandangan saya sebagai seorang pakar kewangan, bila orang mewakafkan sesuatu dia untuk tolong memanfaatkan harta dia ini. Kalau 10 tahun baharu boleh memanfaatkan harta dia you berdosa tau. Kalau dia mati duit yang diberi itu tak dapat apa-apa lagi *dividen* untuk dia untuk mati dia itu”.

Oleh yang demikian, beliau menekankan kepada keperluan pemberian wakaf secara aliran tunai seperti perbelanjaan untuk pembelajaran seseorang pelajar agar matlamat wakaf tercapai. Daripada cadangan yang dikemukakan oleh beliau, beliau tidak mencadang kepada menstabilkan nilai wang *fiat*, tetapi lebih kepada dalam bentuk sumbangan terus kepada masyarakat. Sehubungan dengan kesemua item-item yang dikemukakan, perbincangan akan mengambil kira kepada aspek potensi yang dapat dikenal pasti hasil daripada kelemahan yang disenaraikan. Perkara ini dirujuk dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Aspek Kelemahan dan Kekangan Pelaksanaan

Bil	Kelemahan Wakaf Dinar Emas	Kekangan Pelaksanaan
1	Masalah praktikal	Masalah kuantiti
2	Masalah kesukaran	Masalah fizikal dinar emas
3	Masa yang panjang	Pelaburan yang memerlukan jangka panjang
4	Masalah keselamatan	Kes kecurian, perbuatan mengikis, ketulenan
5	Keperluan promosi	Pentadbiran perlu merangka sesuatu yang baharu

6	Kumpulan fokus terhad	Bergantung kepada sumber pendapatan
7	Masalah pembekal dinar	Bekalan emas yang tidak mencukupi
8	Sambutan masyarakat terhad	Kesukaran masyarakat kurang pendedahan
9	Isu eksploitasi emas	Isu-isu emas
10	Penciptaan mekanisme	Perlukan satu mekanisme bagaimana orang berwakaf menggunakan dinar
11	Kebergantungan negara	Bergantung kepada kuasa besar
12	Tiada kepakaran	Kepakaran yang terhad
13	Kesedaran social	Kurang amalan berwakaf
14	Tidak menepati maksud wakaf	Niat adalah tunjang utama

Sumber: temu bual ke atas responden

Berdasarkan Jadual 2, sebagaimana perbincangan sebelum ini, pertama sekali didapati bahawa kebergantungan negara kepada mata wang asing seperti dollar AS dalam sistem kewangan negara telah menyukarkan apa sahaja bentuk pelaksanaan dinar emas yang ingin dilaksanakan. Kedua, kesukaran ini juga berpunca daripada aplikasi harian yang sedia ada. Penggunaan wang *fiat* adalah sebagai instrumen pertukaran harian di Malaysia. Maka, segalanya menjadi penghalang kepada matlamat yang ingin dilaksanakan. Ketiga, mencakupi peranan yang perlu dimainkan oleh pihak berkuasa, badan-badan pentadbiran yang bertanggungjawab menjaga harta wakaf di Malaysia seperti MAIN yang memerlukan ahli-ahli institusi tersebut mempunyai kepakaran dalam ilmu tentang emas. Keempat, keperluan kepada merangka sesuatu yang baharu kepada masyarakat dalam bentuk promosi yang lebih meluas berkenaan wakaf dinar emas. Kelima, asas utama yang sebagaimana dinyatakan, iaitu pembentukan mekanisme utama. Keenam, kekangan dari sudut pratikal seperti kesukaran membawa dinar emas dalam kuantiti yang banyak, bentuk dan fizikal dinar emas. Ketujuh, wakaf menggunakan dinar emas dijangka akan memberi peluang kepada golongan berpendapatan tinggi sahaja. Kelapan, begitu juga risiko keselamatan yang perlu diambil pertimbangan. Seterusnya, bagi pihak masyarakat pula, kesedaran sosial adalah sesuatu yang penting kerana akibat daripada kurangnya pendedahan kepada masyarakat mengakibatkan

masyarakat tidak mengambil tahu tentang perkembangan produk wakaf yang baharu. Secara keseluruhan, perbincangan mengenai aspek kelemahan telah dikemukakan dengan jelas. Begitu juga dengan aspek kelebihan yang telah dibincangkan terlebih dahulu lagi. Kedua-dua aspek yang diujulkan, telah membawa satu gambaran tentang ukuran potensi yang menjadi perkara yang ingin dilihat.

Sokongan Responden Terhadap Dinar Emas sebagai Medium Berwakaf di Malaysia

Bahagian ini merupakan perbincangan tentang pandangan responden terhadap sokongan ke atas penggunaan dinar emas sebagai medium berwakaf. Reaksi responden boleh dibahagikan kepada dua iaitu kategori yang menyokong dan kategori yang tidak menyokong. Taburan reaksi responden ke atas aspek sokongan dinar emas sebagai medium berwakaf diringkaskan dalam Jadual 3 seperti berikut:

Jadual 3: Taburan Sokongan Responden Terhadap Penggunaan Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf

RESPONDEN	POTENSI PENGGUNAAN DINAR EMAS SEBAGAI MEDIUM BERWAKAF	
	Sokong	Tidak Sokong
AA001	✓	
AA002	✓	
AA003	✓	
PW001	✓	
PW002	✓	
PW003	✓	
TA001		✓
Jumlah (orang)	6	1
Peratusan	85.71 peratus	14.29 peratus

Sumber: temu bual ke atas responden

Dalam Jadual 3 ini, taburan reaksi responden terhadap aspek sokongan terhadap dinar emas sebagai medium berwakaf didapati tidak seimbang. Jumlah cendekiawan yang menyokong adalah seramai enam orang atau

sebanyak 85.71 peratus daripada keseluruhan responden dan bakinya adalah mereka yang tidak menyokong amalan ini sebanyak peratus 14.29 peratus atau seramai satu orang. Majoriti daripada responden boleh dikategorikan sebagai golongan yang menyokong dinar emas sebagai medium berwakaf. Daripada Jadual 3, responden yang tergolong dalam kategori ini ialah AA001, AA002, AA003, PW001, PW002, PW003. Mereka ini mengutarakan hujah masing-masing ke atas reaksi mereka terhadap amalan tersebut. Pertama sekali, bentuk sokongan ditegaskan oleh responden AA001, misalnya beliau mengungkapkan begini:

“..bagi saya kalau benda itu orang sekarang percaya bahawa dinar emas itu lebih bernilai daripada duit tidak mustahil kan, tidak mustahil, bagi saya tidak mustahil boleh berlaku wakaf menggunakan dinar ini”

Kemudian, dalam nada menambah beliau berkata begini:

“ ...perkara ini ada potensi cukup besar, sebab walaupun dari segi sudut lain benda ini perlu pada kajian mendalam lah ilmu, itu sahaja tetapi potensi cukup besar lah”

Berdasarkan pernyataan yang diungkapkan, beliau berkeyakinan bahawa dinar emas dalam amalan wakaf adalah sesuatu yang tidak mustahil untuk dilaksanakan. Dengan sebab itulah, beliau melihat penggunaan dinar emas sebagai medium berwakaf adalah sesuatu medium yang berpotensi untuk diwujudkan. Dalam pada itu, PW001 pula turut menzahirkan sokongan melalui pandangan beliau yang diluahkan sebegini: “*wakaf dinar emas boleh, perlu terus di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) lah*”. Kemudian, beliau berhujah lagi:

“...Potensi tetap ada, cuma mengambil masa lah kalau kita sahaja di peringkat kita sahaja contohnya di peringkat akademik sahaja yang menekankan dia tidak ada *effect* melainkan di peringkat orang yang berkuasa, di peringkat autoriti, BNM, Kementerian Kewangan dan sebagainya”

PW001 bersetuju bahawa dinar emas berpotensi untuk dilaksanakan namun dengan memberi syarat bahawa perkara tersebut perlulah diangkat

sehingga ke peringkat yang lebih tinggi iaitu langsung kepada pihak pemerintah. Sependapat dengan PW001 ialah PW003, PW003 menjelaskan dengan ungkapan begini:

“Saya yakin, perkara ini kalau kita boleh sediakan kemudahan, boleh cipta antara sumbangan dalam bentuk nilai dengan mekanisme, dinar emas itu dia punya dia kelebihan benda ini lebih stabil”

Pendapat ini dikatakan hampir sama kerana PW003 seolah-olah menyokong pelaksanaannya, tetapi dengan meletakkan bahawa perlunya mewujudkan satu mekanisme ataupun kaedah bagi merealisasikan perkara tersebut. Bentuk sokongan terus menjadi hujahan responden antaranya diakui juga oleh AA003, AA003 menyingkapkan kata-katanya sebagaimana berikut:

“So kalau letak dinar emas, lagi bagus sebab dinar ini emas *value is increasing every year* dan tak ada lah nilai emas semakin kurang. Tapi emas itu perlu dicairkan sebab Malaysia masih menggunakan sistem *fiat money*. *Let's say for example* saya bagi dinar emas untuk diwakafkan. Dinar tidak boleh untuk digunakan, duduk kat situ tengok saja. *But if you want to use dinar you* kena cairkan”

Kenyataan AA003 ini seolah-olah memperlihatkan bahawa beliau memberi sokongan kepada amalan penggunaan dinar emas sebagai medium berwakaf. Walau bagaimanapun, beliau meletakkan pra-syarat bahawa dinar emas tersebut perlu dicairkan agar manfaat wakaf dapat diagihkan kepada umat Islam. Dalam pada itu, unsur sokongan ke atas amalan tersebut terus diutarakan, pandangan ini diluahkan AA003 sekali lagi, beliau berkata begini:

“potensi ada bukan tidak ada, pernah ada sejarah yang kita guna dinar emas untuk *because* bila dinar emas digunakan sebagai *medium of exchange*, *it's can used for whatever purpose* nak wakafkan ke apa lah boleh”

AA003 sangat percaya apa jua bentuk wakaf boleh dilaksanakan sekiranya dinar emas digunakan sebagai alat pertukaran urusan jual beli. Sementara itu, PW002 pula hampir mempunyai persamaan dengan AA003 apabila turut memberi sokongan kepada amalan yang dinyatakan, tetapi berlandaskan pra-syarat berikut:

“Ada potensi ke, atau tidak bidang itu *base on* potensi kepada kuantiti masyarakat, masyarakat ramai atau tidak yang nak mengadakan dinar emas itu untuk wakaf, kalau yang ada dinar emas itu kita punya kutipan wakaf akan naik lah dengan dinar emas itu tadi”

Berdasarkan kenyataan beliau tersebut, bermakna beliau menyokong amalan dinar emas sebagai medium berwakaf. Namun, bagi beliau perkara tersebut ditentukan oleh penerimaan masyarakat terhadap produk wakaf tersebut. Seterusnya, sokongan terus diutarakan oleh responden yang lain, misalnya AA003 sekali lagi menjelaskan secara panjang lebar senario dalam permasalahan wang *fiat* pada hari ini, beliau yakin bahawa isu yang timbul daripada wang *fiat* yang diguna pakai pada ini memberi kesan yang cukup besar kepada *maqasid* wakaf. Pandangan lengkap beliau adalah seperti berikut:

“...banyak wang *fiat* pada hari ini memang tidak patut syarak kan, sedangkan secara umum pun memang tak *clear* dari segi syarak apa lagi dalam konteks wakaf kan. oleh kerana dunia hari ini menggunakan wang *fiat*, tak ada pilihan wang *fiat* ini dia *legal tender*, *legal tender* ini maknanya digunakan medium, kita tak ada pilihan, tadi saya cadangkan, gunakan tadi tidak apa tetapi tukar kepada harta tetap, tukar terus, cuma persoalan bila hari ini esok atau lusa, sebab duit *almost* 3.8 peratus jatuh bayangkan, kalau kita lihat dari segi hukum wakaf sekalipun dia memang tidak betul dah, kalau hari ini nilai RM100 esok nilai RM80, nampak jatuhnya”

Pandangan AA003 kelihatan secara jelas beliau berada pada pihak yang menyokong. Justeru, beliau bersetuju dan mendapati terdapat permasalahan dalam sistem kewangan masa ini yang perlu diambil pertimbangan terutama berkaitan dengan wang *fiat* yang digunakan sebagai mekanisme wakaf tunai

pada masa ini. Oleh yang demikian, secara jelasnya responden secara keseluruhan menyokong akan dinar emas sebagai medium berwakaf dan mereka memberi pra-syarat tertentu yang perlu di atasi. Mereka seakan-akan sedar akan kepentingannya, dalam pada masa yang sama perkara-perkara yang menjadi kekangan perlu dititikberatkan.

KESIMPULAN

Kelebihan dan kelemahan penggunaan dinar emas sebagai medium berwakaf berdasarkan kesesuaian pada masa ini mempunyai 14 item utama. Daripada penekanan aspek kelebihan amalan ini dilihat mempunyai sokongan padu daripada responden, namun disebabkan faktor-faktor kelemahan yang ada menyebabkan amalan ini mempunyai beberapa kekangan. Pada hakikatnya, amalan ini adalah perkara yang baik serta ditunggu-tunggu oleh umat Islam khususnya. Walau bagaimanapun, aspek potensinya begitu jelas dan disokong.

PENGHARGAAN

Terima kasih atas perkongsian oleh pakar yang terpilih dalam memberikan idea yang begitu bernas untuk pembangunan harta wakaf di Malaysia. Tidak dilupa juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas penghasilan artikel ini.

RUJUKAN

Hassanuddeen A Aziz (2009). Dinar Sebagai Mata Wang Mengatasi Krisis Ekonomi Global 2008, Kertas kerja dibentangkan di Prosiding Seminar Antarabangsa Penjana Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi, Selangor pada 27 Ogos 2009.

Hussin Salamon & Zanirah Mustafa (2009). Pelaksanaan Dinar Dalam Sistem Ekonomi Moden: Cabaran Dan Prospek Masa Depan, Kertas kerja dibentangkan di Seminar Penjana Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar 2009 di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi, Selangor pada 27 Ogos 2009.

Mohamad Zaim Ismail, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohd Anuar Ramli (2015). “Pemeriksaan Wakaf Di Malaysia: Satu Sorotan”, dlm. Labuan e-Journal Of Muamalat and Society,9, hlm. 1-13.

Muhammad Sofiyuddin Zakaria & Mohd Zamro Muda (2015). Pelaksanaan Wakaf Tunai di Malaysia: Satu Sorotan Literatur, Kertas kerja dibentangkan di Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI) di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor pada 8 Disember 2015.

Muna Sulaiman, Mokhtar Ismail, Mohd. Isa Mohd. Deni & Hairullfazli Muhammad Som (2015). “Perkembangan Wakaf Pendidikan Di Singapura”, dlm. Journal Of Educational Policy,2, hlm. 267-291.

Razali Othman (2014). Penggunaan Wang Sebagai Instrumen Wakaf Tunai: Satu Kajian Teoretis. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, USM, Pulau Pinang. Tidak diterbitkan.

Syahnaz Sulaiman, Aznan Hasan & Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad (2016). “Pembangunan Dan Pelaburan Lestari Harta Wakaf Dari Perspektif Islam”, dlm. Jurnal Kanun, 28 (1), hlm. 68 100.

Zool Hilmi Othman & Md Yazid Ahmad (2013). Saham Wakaf Pahang: Pengurusan dan Isu-isu Pelaksanaannya, Kertas kerja dibentangkan di Prosiding Kolokium Siswazah Jabatan Syariah di Bilik Seminar Siswazah I, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Selangor pada 23 Disember 2013.

